

BAB 5

PENUTUP

Analisa penggunaan angka tujuh seperti dalam bab-bab yang lalu menunjukkan terdapat beberapa bentuk penggunaannya seperti bentuk *tamthil* atau *kināyah* atau على وجه مبالغة (gandaan yang melampau) atau للتكثير (menunjukkan banyak) atau pun angka yang menunjukkan bilangan yang hakiki. Suatu yang jelas ia adalah fenomena mukjizat, dan wahyu. Kemukjizatan dan wahyu dipamerkan melalui kerahsiaannya. Justeru tidak dapat diketahui atau diselidiki oleh sesiapa. Selain itu, struktur ayat dan bahasa yang mengiringi angka tujuh ini juga indah dan menarik. Dengan ini, menambahkan lagi keajaibannya. Mampukah Nabi Muhammad menyusun dan memikirkankannya kalau sekiranya bukan wahyu? Bolehkah al-Qur'ān bertahan begitu lama sekiranya bukan mukjizat. Justeru hubungan wahyu dan mukjizat begitu erat sehingga menjadikan kajian terhadapnya tidak terhenti dan jemu malah berterusan.

Menerusi firman Allah “ان تنفذ كلمات ربي” dan “قل ربي أعلم بعقلهم ما يعلمهم الا قليل” dapat difahami bahawa hanya sedikit yang dapat diketahui. Namun, manusia masih ada pilihan lain iaitu melihat daripada aspek falsafah dan hikmahnya yang saling berkaitan. Perintah *ta'abud* menjadikan manusia insan yang taat dan sabar ia bukan sekadar menyatakan keimanan tanpa kajian. Umat dahulu telah menunjukkan bahawa atas dasar *ta'abud* juga mereka mampu mengkaji dan meneliti, ia bertindak sebagai tenaga dinamik yang menggerak dan menggarap segala kemampuan mereka. Lantaran, generasi mereka menjadi gemilang dalam semua aspek. Angka dan bilangan adalah sebahagian ilmu yang mendapat tempat

dalam kajian mereka sehingga menjadi suatu ilmu yang amat penting pada hari ini. Tetapi generasi hari ini tidak menunjukkan suatu rasa tanggung jawab meneruskan risalah mereka, akibatnya ia terabai dan terhakis daripada umat yang empunya. Bolehkah dinafikan bahawa segala-galanya daripada wahyu dan kemukjizatan al-Qur'ān. Siapakah yang mengajar Baginda Muhammad kalau tidak Tuhan Yang Maha Bijaksana.

Angka tujuh seperti dalam perbahasan yang lalu dalam apa bentuk pengulangannya nyata mempunyai keistimewaan berbanding angka-angka yang lain. Ahli-ahli tafsir tidak menyatakannya sama ada dalam mentafsir maksud tujuh itu atau keistimewaannya tetapi secara umum dapat difahami sesuatu yang di nukilkan oleh al-Qur'ān pasti terdapat rahsia yang berupa keistimewaan itu. Tujuh planet yang beredar mengelilingi matahari mengingatkan bahawa semacam ada persamaan dengan manusia di bumi yang bertawaf mengelilingi Kaabah apatah lagi pada sesuatu masa matahari betul-betul berada di atas *Baitullāh* maka pada ketika itu terjadilah kesepakatan makhluk di langit dan makhluk di bumi sama-sama bertawaf mengelilingi *Baitullāh* itu. Ketika sembahyang tujuh anggota bersama-sama sujud kepada Penciptanya. *Tasybih* dan *kināyah* dan *amthal* tujuh lautan hanya mahu menjelaskan akan keluasan ilmu Allah yang tidak berpenghujung, begitu juga tujuh tangkai menjadi tujuh ratus semata-mata menyatakan kemurahan Allah dalam sifat rahman dan rahimNya manakala tujuh pemuda menjadi lambang keutuhan dan kekuatan akidah bagi setiap umat di sepanjang zaman hingga ke hari Kiamat. Seterusnya angka tujuh yang menjadi angka dalam pengkisahan Nabi Yūsuf memaparkan aspek perancangan, yang memerlukan penelitian yang melibatkan pelbagai kompenan masyarakat dan ilmu

pengetahuan. Angka tujuh seperti angka-angka lain tidak berdiri sendiri ia bermula daripada angka satu justeru struktur angka ini bermula daripada angka satu sehingga ketujuh dan kelapan semuanya dicatat dalam al-Qur'ān. Oleh itu, angka-angka ini memainkan peranan masing-masing dalam ilmu matematik yang merupakan sebahagian ilmu yang penting dewasa ini. Angka tujuh dalam al-Qur'ān adalah seperti angka-angka lain merupakan sebahagian dari kemukjizatan al-Qur'ān, sekalipun terdapat sebahagian ulama menafikan atau meletakkan sebagai sebahagian dari kemukjizatan *al-Bayāni* atau dari aspek *ilmiyah*. Hubungan yang erat antara al-Qur'ān, wahyu dan mukjizat secara tidak langsung meletakkannya sebagai sebuah kitab yang agung. Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang erat antara angka dengan kehidupan dan keperluan manusia sebagaimana yang diungkap oleh Afzalur Rahman dan *Ikwan al-Ṣafa* bahwa angka satu melambangkan dimensi tauhid atau keesaan Allah dalam segala penciptaanNya.

Tidak terdapat tafsiran yang khusus mengenai angka tujuh ini melainkan diambil daripada beberapa penulisan terkini yang melihat dari aspek semasa, oleh itu penerokaan seterusnya perlu diteruskan dari masa ke semasa. Pemahaman terhadap kemukjizatan yang hidup dan subur dalam pemikiran umat seharusnya di tanam dalam hati setiap generasi, Justeru ia memperlihatkan betapa relevannya al-Qur'ān dan zaman yang terus bergerak dan beredar ini, menghubungkan sesuatu dengan kehendak al-Qur'ān sepatutnya dijana terus agar hasil yang diperolehi bertapak dan berpijak dari paksi kebenaran hakiki. Malangnya semakin jauh umat dari zaman turunnya al-Qur'ān, semakin terencilnya pemikiran umat dari kemukjizatan al-Qur'ān malah terungkai terus dari tampuk kebenaran yang

sememangnya terbukti tegar dan benar. Mengapa kurikulum pendidikan yang berkaitan dengannya tidak diberi nafas baru setelah sekian lama di pencilkan dari nas al-Qur'ān, Dalam kajian matematik atau sains yang diajar, dihamburkan kata kata sesuai dengan kehendak Islam tetapi dalam penghuraiannya, metode dan kajian langsung terpencil daripada nas yang terbukti kebenaran, inilah yang dimaksud oleh sesetengah orang, Islam sebagai bunga setangkai tetapi tidak sebau. Selain pemaparan angka tujuh ini, terdapat banyak pengajaran kepada umat seperti kisah kaum Nabi Salleh dan Hud, tujuh pintu neraka, kisah Nabi Yusuf dan angka tujuh dalam Ibadat haji yang berkaitan dengan kisah Ibrahim dan anaknya yang seterusnya diangkat menjadi syariat sepatutnya menjadi pengajaran bahawa ketaatan dan kepatuhan adalah kunci segala kegemilangan di dunia dan akhirat. Manakala menyeleweng, ingkar dan degil membawa kepada kehancuran dan kemusnahan.

Kajian terhadap angka dan bilangan dalam al-Qur'ān amat penting, apatah lagi dewasa ini tidak ada sesiapa yang menafikan atau menidakkan akan kepentingannya dalam kegunaan harian. Oleh itu, perlu diteruskan dari masa ke semasa. Sejak dahulu hingga sekarang manusia hidup dikelilingi sesuatu yang memerlukan perhitungan yang berupa angka, nombor atau bilangan. Sekarang, zaman yang diakui sebagai zaman teknologi terutama dalam bidang-bidang teknologi informasi, bio-teknologi dan seumpamanya, sekiranya kebangkitan kemajuan ini tidak dikaitkan dengan al-Qur'ān yang merupakan mukjizat dan wahyu pastilah kebangkitan itu lebih membawa keburukan daripada kebaikan. Justeru ruh al-Qur'ān itu perlu diaplikasikan dalam semua bentuk teknologi tersebut bagi memantapkan akidah dan keyakinan. Islam dan keimanan melalui

ilmu yang serba canggih ini. Menerusi kajian nas al-Qur'ān manusia perlu akur akan kehebatan dan keagungan al-Qur'ān yang menjanjikan penemuan-penemuan baru berdasarkan keupayaan dimana zaman manusia itu beradā seperti Firman Allah:

سنريهم ءايتنا في الأفاق وفي أنفسهم حتى يتبين لهم أنه الحق.

Maksud:

Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di segenap penjuru dan pada diri mereka, sehingga ternyata jelas bahawa al-Qur'ān itu adalah benar.